# Maklumat Komoditi : Asam Gelugur

## Penyediaan Tanah

### PENYEDIAAN TANAH

Penyediaan tanah untuk pokok Asam Gelugor adalah termasuk pembersihan kawasan, pembajakan menggunakan bajak piring dan bajak putar. Penyediaan saliran yang baik adalah perlu untuk kawasan kawasan yang berair. Lubang untuk penanaman pokok in perlu disediakan terlebih dahulu pada jarak 0.45m x 0.45m x 0.45m. Triple Super Phosphate I(TSP) pada kadar 100g/lubang perlu di tabur sebelum penanaman dilakukan. Bagi meningkatkan pH tanah ke paras yang dikehendaki, Ground Magnesium Limestone (GML) hendaklah diberikan ke dalam lubang tersebut.